

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 06 / 03 / 2007

The Loaf tawar peluang francais

UM-6/8/2007

LANGKAWI 5 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad, yang memiliki bersama kedai kek dan bistro gaya hidup, The Loaf di sini, berharap perniagaannya boleh dikembangkan lagi menerusi sistem francais.

Dr. Mahathir berkata, ini bermakna orang lain boleh berkongsi dalam perniagaannya sebaik sahaja ia terbukti berjaya.

"Sebelum ini saya dah kata kalau ada orang lain hendak ambil francais, tak apalah.

"Saya bukan buat ini untuk diri saya sendiri," kata beliau dalam temu bual bersama Bernama di The Loaf di Telaga Harbour Park, Pantai Kok di sini.

The Loaf diusahakan oleh M&M Consolidated Sdn. Bhd., syarikat yang dimiliki bersama oleh Dr. Mahathir dan Jiro Suzuki.

Menu di The Loaf berdasarkan kepada gabungan resipi Jepun, Malaysia dan Eropah. Produk utamanya termasuklah pastri dan hidangan savori seperti croissants, rustique, fig tarts, baguette Levain dan kari kambing.

Dr. Mahathir berkata, sebaik sahaja The Loaf berjaya dengan usaha pengembangannya di Kuala Lumpur bulan depan, pihak-pihak yang berminat dipelawa untuk mengambil francais.

Kedai kek dan bistro itu akan membuka cawangannya di The Pavillion, kompleks membeli belah terbaru Kuala Lumpur di Jalan Bukit Bintang, pada 20 September ini.

Dr. Mahathir menganggap perniagaan The Loaf di Telaga Harbour Park sebagai "semakin bertambah baik".

Terdahulu, Dr. Mahathir, yang ditemani Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali, diberi taklimat mengenai operasi The Loaf oleh kakitangannya.


Semasa menikmati hidangan di The Loaf, Dr. Mahathir juga memenuhi permintaan ramai pengunjung ke Telaga Harbour Park untuk bergambar bersama mereka.

Telaga Harbour Park, yang mempunyai banyak restoran di bangunan berbentuk ala Eropahnya juga mempunyai tambatan untuk kapal layar.

Sementara itu di satu sudut khas

Sebelum ini saya dah kata kalau
ada orang lain hendak ambil francais,
tak apalah

**DR. MAHATHIR
MOHAMAD**
Pemilik bersama
The Loaf



DR. Mahathir Mohamad yang ditemani Dr. Siti Hasmah Mohd Ali melihat kuih muih yang disajikan di kedainya The Loaf ketika mengunjungi Telaga Harbour Park, Langkawi, semalam.

berdekatan, diperagakan "Jalur Gemilang", kapal layar yang digunakan oleh Datuk Azhar Mansor dalam

misi pelayaran solonya mengelilingi dunia pada 1999.

- Bernama